

21 MAY 2002

Samy Vellu-Bincang

SAMY VELLU BINCANG DGN PM SUPAYA SEMUA PIHAK AKUR KEPUTUSAN

KUALA KLAWANG, 21 Mei (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata beliau akan mendapatkan pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai keputusan muktamad pembatalan ke atas projek yang gagal disiapkan.

Beliau berkata ia bertujuan memastikan apabila Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) membuat keputusan untuk membatalkan kontrak bagi projek yang gagal disiapkan, semua pihak akur dengannya.

"Saya akan berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan untuk mendapatkan kebenaran supaya setelah JKPS memutuskan sesuatu kontrak itu dibatalkan, kita kekalkan keputusan itu.

"Kita dalam dilema, bila sudah batal, kita sudah bagi pada orang lain, kena bagi balik kepada orang lama sebab dia merayu. Tapi bila bagi balik, dia kata dia tak boleh buat kerja pula. Kita batal, dia merayu pula," katanya.

Samy Vellu berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam supaya semua kementerian kini diberi kuasa menamatkan kontrak bagi projek yang ditawarkan oleh agensi dibawah kawalannya yang gagal disiapkan mengikut jadual.

Samy Vellu ditemui selepas merasmikan upacara pecah tanah projek menaiktaraf Jalan Seremban-Kuala Klawang dan Kuala Klawang-Simpang Pertang dekat sini hari ini.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim yang juga Anggota Parlimen Jelebu dan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kerja Raya dan Perhubungan negeri Datuk Lilah Yassin yang mewakili Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Samy Vellu berkata JKPS yang diketuai Ketua Pengarah Kerja Raya Datuk Zaini Omar serta wakil Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan dan agensi yang berkaitan akan memberi amaran kepada kontraktor yang gagal menyiapkan projek mereka sebelum kontrak dibatalkan.

"Kita batalkan kontrak itu bukan kerana kita tak suka muka kontraktor itu, kita mesti selesaikan tugas seperti dalam perjanjian," katanya.

Beliau mahu semua pihak yang berkaitan bersetuju dengan keputusan jawatankuasa tersebut dan mencari kontraktor yang lebih berwibawa bagi menyiap projek itu.

Namun begitu, jumlah kontraktor yang gagal menyiap projek dan "sakit" hanya kurang daripada lima peratus, katanya.

Mengenai kerja menaiktaraf Jalan Seremban-Kuala Klawang, Samy Vellu berkata projek itu bermula dari kilometer 21 hingga 37, manakala Jalan Kuala Klawang-Simpang Pertang melibatkan laluan dari kilometer 45 hingga 53.

Kerja menaiktaraf kedua-dua jalan itu penting bagi melicinkan lagi pergerakan trafik dari Seremban ke Kuala Klawang dan Kuala Klawang ke Simpang Pertang, katanya.

Katanya jalan yang sedia ada akan dilebarkan selain pembinaan laluan motosikal. Projek Jalan Seremban-Kuala Klawang itu menelan belanja RM40 juta manakala Jalan Kuala Klawang-Simpang Pertang pula membabitkan kos RM17 juta.

Majutera Sdn Bhd dan Goodroad Engineering Sdn Bhd diberi kontrak mengendalikan kerja bagi Jalan Seremban-Kuala Klawang bermula 1 Mei lepas dan dijangka siap pada 28 Okt 2003.

Jalan Kuala Klawang-Simpang Pertang pula dikendalikan oleh Syarikat Teras Khidmat Niaga Sdn Bhd yang akan memulakan kerja pada 30 Sept ini dan dijangka siap pada 26 Sept 2004.

-- BERNAMA

APG LAT